

# Kemenjadian Guru dan Pelajar

UB 12-2-2014 86

MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAT

Bersama, Mohd Yusof Abdullah,  
Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul  
Said Ambotang dan Shukri Zain

**PROFESION** keguruan akan sentiasa berkembang dari masa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman dan perubahan 'iklim' persekitaran. Pelbagai dugaan dan rintangan yang perlu dihadapi oleh warga sekolah sama ada pihak pentadbiran iaitu para pengurus sekolah, pihak pelaksana iaitu para guru dan juga pihak yang menjadi tumpuan utama bidang pendidikan iaitu para pelajar untuk merealisasikan aspirasi pendidikan kebangsaan. Apa yang ingin ditekankan di sini adalah pelajar yang berketrampilan dan bersahsiah mulia yang boleh dihasilkan oleh sistem pendidikan kebangsaan, dengan istilah yang biasa kita dengari adalah berkaitan kemenjadian pelajar. Kemenjadian pelajar sudah tentu mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemenjadian guru. Keberhasilan untuk membentuk sahsiah pelajar dan memastikan proses kemenjadian pelajar menjadi satu realiti bergantung pada keupayaan guru melaksanakan tugas sebagai seorang guru 'sejati' ketika di sekolah. Sejati di sini merujuk kepada keperibadian guru yang memiliki sifat-sifat sebagai seorang guru mithali yang boleh menjadi contoh terbaik untuk kesemua pelajar. Sifat-sifat adalah menyeluruh atau holistik kerana suka ataupun tidak, profesion keguruan menuntut seorang guru memiliki kesempurnaan yang mampu diperolehi dan kehebatan dalam kehidupan seharian khususnya ketika mendidik anak didiknya. Namun kesempurnaan dan kehebatan yang dimiliki bukanlah untuk dipertontonkan atau ditunjukkan atas dasar riak dan takabbur tetapi lebih kepada tujuan memberikan contoh tauladan dan tarbiyah kepada para pelajar. perlutersebut Sifat-sifat tersebut merupakan sifat-sifat yang dimiliki oleh para nabi. Kita sedia maklum bahawa nabi-nabi (anbia) adalah manusia mulia yang dipilih oleh Allah SWT untuk mengajar dan mengajak umat manusia supaya mentauhidkan Allah SWT dan menyampaikan

ilmu pengetahuan dan pengajaran untuk kesejahteraan umat manusia. Justeru, profesion keguruan merupakan satu 'jawatan' warisan para nabi.

Sifat pertama yang perlu dimiliki oleh guru adalah 'siddiq' iaitu benar. Ianya membawa maksud para pendidik perlulah sentiasa menyampaikan ilmu yang benar dan menyatakan sesuatu yang benar. Benar juga bermakna bahawa seseorang guru itu perlu teliti ketika menyampaikan ilmu dan kemahiran yang berkaitan. Ini bererti guru perlu sentiasa mengemaskini ilmu dan kemahiran sedia ada kerana sifat ilmu itu sendiri adalah sentiasa berubah dan berkembang sesuai dengan peredaran zaman. Guru yang tidak mahu menambahbaik ilmu yang ada dan sekadar berpuas hati dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki akan ketinggalan dan akan kurang dihormati oleh para pelajar. Dengan mendalami pelbagai ilmu selain daripada ilmu dalam bidang pengkhususan akan dapat menarik perhatian pelajar dan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan kerana proses penggabungjalinan dan penyerapan ilmu dapat dilaksanakan. Selain itu, para pelajar juga akan menyanjung tinggi guru yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, apatah lagi sekiranya seseorang guru itu berupaya untuk menguasai pelbagai disiplin keilmuan. Tiada lagi istilah mata pelajaran senang atau susah, semuanya bergantung kepada kualiti keberkesanan pengajaran seseorang guru itu. Di sekolah, bukan mata pelajaran yang menjadi isunya tetapi isu sebenarnya adalah siapa dan bagaimana dia mengajar mata pelajaran tersebut. Guru yang hebat akan berjaya mengubah paradigma dan persepsi seseorang pelajar daripada melihat sesuatu mata pelajaran yang susah kepada satu mata pelajaran yang mudah.

Sifat kedua adalah 'amanah' yang bermaksud boleh dipercayai serta menunaikan segala tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan hati yang ikhlas dan iltizam yang tinggi. Guru dituntut untuk melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi tanpa mengira

latar belakang pelajarinya daripada aspek jantina, keturunan, paras rupa, pangkat dan sebagainya. Tidak kira walau di mana pun seseorang guru itu ditempatkan, amanah yang telah diterima harus dipikul dan dijunjung demi kemaslahatan anak didik khususnya dan negara amnya. Hakikatnya, amanah yang perlu dipikul oleh seorang guru adalah seumpama memikul gunung di atas bahu, namun amanah itu akan menjadi lebih ringan dan mudah untuk dilaksanakan sekiranya dimulakan dengan hati yang ikhlas dan suci kerana Allah SWT serta demi kepuasan intrinsik yakni dalaman dan bukannya inginkan balasan atau pulangan berbentuk duniawi semata-mata dan insentif bersifat ekstrinsik seperti wang ringgit, pangkat atau kedudukan. Isu yang lebih penting adalah bagaimana seorang guru itu berjaya untuk beristiqmah yakni konsisten dalam melaksanakan segala tugas, amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Semua ini memerlukan pengorbanan dalam pelbagai aspek kehidupan seorang yang bergelar pendidik. Walaupun sesetengah pemikir mengatakan bahawa bukan semua orang dilahirkan sebagai guru, namun manusia adalah makhluk istimewa ciptaan Allah SWT yang boleh dibentuk dan diubah sikap dan keperibadiannya ke arah menjadi pendidik mithali.

Sifat seterusnya adalah 'tabligh' iaitu menyampaikan. Guru hendaklah berusaha menyampaikan isi kandungan pelajaran dan juga kemahiran dengan sebaik mungkin. Asas kepada kefahaman pelajar adalah keupayaan seorang guru untuk menyampaikan isi pelajaran dengan penuh kebijaksanaan kerana pelajar-pelajar memiliki kebolehan kognitif, afektif dan psikomotor yang berbeza antara satu dengan yang lain. Justeru guru yang sememangnya telah menerima latihan ikhtisas perguruan khususnya dalam bidang pedagogi seharusnya mampu mempelbagaikan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran agar segala apa yang disampaikan oleh guru dapat diterima oleh para pelajar. Tiada gunanya memiliki ijazah kelas pertama atau memegang

ijazah sarjana atau doktor falsafah sekiranya tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan baik dan memastikan para pelajar betul-betul mempelajari sesuatu di dalam bilik darjah. Antara prs syarat bagi proses pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan berkesan adalah kawalan bilik darjah yang baik. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan guru khususnya apabila berhadapan dengan pelajar-pelajar yang bermasalah di dalam bilik darjah. Keseraban guru dalam memastikan kelas sentiasa dalam keadaan terkawal dan selesa akan dapat mewujudkan 'ruh' atau suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan memberangsangkan.

Sifat yang terakhir adalah 'fatolah' yang membawa maksud bijaksana. Bijaksana adalah berbeza dengan 'pandai'. Kita biasa memberikan gelaran pandai kepada pelajar yang berjaya memperoleh markah tinggi dalam ujian atau peperiksaan. Namun, seseorang itu dikatakan bijak apabila mampu menyelesaikan sesuatu masalah sesuai dengan keadaan dan masa pada ketika itu serta dapat memberikan manfaat kepada orang di sekelilingnya dan juga manfaat kepada dirinya sendiri. Oleh yang demikian, antara ciri seorang guru yang bijak adalah guru yang berupaya mengawal emosinya, bersikap adil terhadap para pelajar, melaksanakan 'smart teaching and learning' serta cekap mengurus segala aspek yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran sama ada sebelum, semasa dan selepas kelas. Kebijaksanaan ini tidak semestinya sesuatu yang 'gifted' atau satu anugerah Allah SWT, kerana manusia diberikan akal fikiran untuk berfikir dan pancaindra untuk belajar dan mengamati alam disekelilingnya yang dapat membantu seseorang guru itu menjadi lebih bijak dalam pemikiran dan tindakannya. Justeru, dengan memiliki keempat-empat sifat yang dimiliki oleh para nabi, maka akan berhasillah usaha ke arah kemenjadian guru yang sudah tentu dapat membantu ke arah usaha kemenjadian pelajar.

**\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah**